

28/10/2000

Rakyat jadi mangsa jika ada sekatan ekonomi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat yang akan menjadi mangsa jika masyarakat antarabangsa mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia melalui usaha penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu sudah terbukti apabila rakyat Iran dan Iraq menderita kerana sekatan ekonomi oleh negara Barat terhadap negara terbabit sebelum ini.

Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai menderhaka, Perdana Menteri berkata, penyokong Anwar seolah-olah mahu menjadikan rakyat sebagai sasaran kerana seorang pemimpin mereka menghadapi masalah.

"Yang akan jadi mangsa ialah rakyat seperti mana yang berlaku di Iraq apabila dikenakan sekatan (ekonomi). Yang menjadi mangsa bukan pemimpin, yang jadi mangsa adalah rakyat.

"Jadi, nampaknya orang ini (penyokong Anwar) nak menjadikan rakyat sebagai sasaran dia...untuk rakyat menderita kerana seorang pemimpin mereka menghadapi masalah. Masalah itu adalah masalah biasa.

"Banyak sudah pemimpin kerajaan yang telah dibicara dan dimasukkan ke dalam penjara dan sebagainya," katanya dalam sidang akhbar di lobi bangunan Parlimen selepas pembentangan Belanjawan 2001 oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai laporan akhbar Straits Times Singapura semalam bahawa penyokong Anwar kini mengupah sebuah badan pelobi di luar negara untuk mengenakan tekanan terhadap Malaysia.

Mereka dikatakan melantik firma hal ehwal perhubungan awam dan strategi politik, Janus Meritt Strategy (JMS) yang berpangkalan di Washington, Amerika Syarikat bagi tempoh empat bulan mulai Ogos lalu dengan bayaran AS\$50,000 (RM190,000).

Akhbar itu melaporkan usaha berkenaan bagi memastikan tindakan memenjarakan Anwar menjadi agenda utama antarabangsa serta untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia.

Laporan itu juga menyebut bahawa penyokong Anwar akan menggunakan strategi baru untuk memaksa pembebasannya dari penjara melalui tekanan ekonomi.

Dr Mahathir berkata, pihaknya akan mengkaji sama ada tindakan itu merupakan satu pengkhianatan atau tidak kerana sebarang usaha untuk menghancurkan negara sendiri, adalah perbuatan derhaka.

"Ini kerana nak bagi rosak supaya semua orang susah. Kalau sekatan (dikenakan), kalau pendapatan kita turun, segala-gala yang kita bagi hari ini tak dapat kita bagi. Bukan pemimpin...saya tak akan jadi apa-apa walau buat sekatan sekalipun," katanya.

Ditanya apakah bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap mereka terbabit, beliau berkata kerajaan sedang mengkaji sama ada mereka melanggar undang-undang negara.

Katanya, walaupun mereka melakukannya di luar negara tetapi tumpuan adalah kepada negara ini, iaitu untuk merosakkan ekonomi negara supaya rakyat menderita.

"Dia (penyokong Anwar) ingat dia buat ini pasal dia nak tolong pemimpin dia, tetapi perbuatan dia akan menyebabkan rakyat menderita, bukan kita. Kita tengok macam di Iraq, rakyat tak dapat ubat...tak dapat makanan cukup, (dan) macam-macam, tetapi pemimpin tak ada apa-apa," katanya.

Bagaimanapun katanya, kerajaan akan memberi penerangan serta penjelasan

mengenai keadaan sebenar di negara ini supaya pelabur asing terus melabur walaupun mungkin kerajaan mereka mengenakan sekatan.

(END)